

Hab ekonomi Islam bertaraf global

GLIC, GLC kena sokong aspirasi kerajaan

Kuala Lumpur: Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu menggembleng tenaga untuk menyokong aspirasi negara menjadi destinasi pelaburan serta hab ekonomi Islam bertaraf dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, berkata GLIC dan GLC juga harus melonjakkan pelaburan dalam sektor digital dan tenaga boleh baharu serta menggalakkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKMS) melébar pasaran ke negara serantau seperti aspirasi negara.

Kelmarin, beliau mengperusikan mesyuarat bersama ketua

pegawai eksekutif GLIC dan GLC, mukadimah ke arah reformasi kedua-dua entiti itu agar lebih tertumpu kepada kesejahteraan rakyat seperti digariskan dalam kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

“Saya menerima baik cadangan ketua pegawai eksekutif GLIC untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kemajuan ekonomi tempatan,” katanya menerusi hantaran di Facebook dan platform sosial X, semalam.

Antara cadangan itu, termasuk menambah baik perbelanjaan daripada kutipan zakat korporat, menjalin usaha sama dengan swasta bagi membangunkan penginapan pelajar dan mengemb-

leng lebih dana untuk pelaburan dalam syarikat tiada dalam senarai sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Anwar turut memberi mandat kepada GLIC untuk meningkatkan pelaburan langsung domestik masing-masing kerana mereka mempunyai tanggungjawab untuk bersama-sama kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi dan pendapatan rakyat terbanyak.

Katanya, dengan jumlah saiz aset di bawah pengurusan bernilai RM1.84 trilion, hampir sama dengan saiz Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nominal Malaysia tahun ini, GLIC berupaya menggerak dan melonjak ekonomi Malaysia ke depan.